

Menelusuri Kearifan Tempatan: Kuih Tradisional Etnik Brunei di Sabah Sebagai Suatu Ikon Musim Haji

Surayah Hj Bungsu¹, Musnin Misdi², dan Azizah Ibrahim²

¹ SMK Weston, Beaufort

²Universiti Malaysia Sabah

ABSTRAK

Kepelbagaian etnik di Negeri Sabah mencerminkan kepelbagaian budaya dan adat resam yang berbeza sehingga menjadikan Negeri Sabah terkenal unik dari segi bahasa, makanan, pakaian, dan seumpamanya. Dalam kajian ini, etnik Brunei dikenal pasti sebagai terkenal dengan pelbagai kuih-muih tradisional yang datang dalam pelbagai bentuk, rupa, warna dan rasa yang diwarisi secara turun-temurun. Walau bagaimanapun, kepelbagaian jenis kuih tradisional Brunei menampilkan persamaan dengan budaya lain di Sabah. Persamaan ini adalah akibat asimilasi budaya dengan etnik lain yang menyukarkan kita untuk menentukan siapa sebenarnya pemilik budaya dan tradisi ini. Persamaan budaya ini melibatkan bahan dan cara pembuatan kuih-muih yang amat berkait rapat dengan upacara adat seperti keramaian, kenduri-kendara, perkahwinan, kelahiran atau kematian. Kajian ini dijalankan untuk menyingkap keunikan dan identiti budaya dalam kuih-muih tradisional sehingga ia menjadi ikon dan identiti kehidupan etnik Brunei di Sabah. Selanjutnya membincangkan rupa, bentuk dan fungsi estetika yang diwarisi secara turun-temurun. Keunikan kuih tradisi dalam konteks budaya etnik Brunei adalah pancaran pemikiran yang kreatif, menjelaskan jati diri dan identiti budaya mereka. Kajian ini melibatkan dua buah perkampungan etnik Brunei iaitu di Kampung Weston dan Kampung Lubuk yang terletak di daerah Beaufort, Sabah. Data-data penyelidikan dianalisis dengan menggunakan pendekatan Feldman (1967) yang mencadangkan empat tahap yang sistematik iaitu tahap deskripsi, analisis formal, interpretasi dan penilaian. Setiap elemen yang dibincangkan dapat menjelaskan teknik pembuatan, bahan, rupa, bentuk dan bagaimana kuih-muih tradisi menjadi ikon dalam konteks adat dan budaya etnik Brunei di Daerah Beaufort. Kajian yang bersifat kualitatif ini menggunakan data-data kajian daripada lapangan melalui kaedah seperti temu bual, pemerhatian dan penglibatan turut serta oleh pengkaji. Informan yang terlibat dipilih berdasarkan kepakaran dan pengalaman dalam pembuatan kuih-muih tradisional serta kearifan mereka tentang adat dan upacara budaya etnik Brunei. Kajian ini mendapati bahawa kewujudan kuih-muih tradisional yang diwarisi oleh etnik Brunei memaparkan ikon, jati diri, adat dan nilai estetika yang menjelaskan khazanah yang perlu dipelihara.

Kata kunci: Etnik Brunei, ikon, identiti, budaya, kuih tradisional

PENDAHULUAN

Koentjaraningrat (1979) menjelaskan bahawa rangkaian sistem budaya meliputi tujuh unsur yang berkaitan. Pertama, ialah sistem keagamaan yang merangkumi sistem kepercayaan, nilai dan pandangan hidup, komunikasi keagamaan serta upacaranya. Kedua, ialah sistem kemasyarakatan dan organisasi sosial yang meliputi kekerabatan, sistem kenegaraan, sistem kesatuan hidup dan asosiasi. Ketiga, ialah sistem pengetahuan yang mencakupi pengetahuan tentang alam raya, manusia, flora dan fauna, waktu dan ruang serta unsur matematik. Keempat, ialah sistem bahasa iaitu mencakupi lisan dan tulisan. Kelima, ialah sistem kesenian yang merangkumi seni reka bentuk, sastera, suara, muzik dan lukisan. Keenam, ialah sistem teknologi dan peralatan (sistem pengangkutan, komunikasi, pakaian, dan rumah). Ketujuh, ialah sistem mata pencarian hidup atau ekonomi.

Etnik Brunei di daerah Beaufort yang melatari kajian ini mempunyai adat tradisi, latar belakang, pandangan hidup dan pengetahuan yang tersendiri yang terpancar melalui gaya hidup yang diamalkan dalam institusi keluarga dan juga kelompok masyarakat yang lebih besar. Adat tradisi yang diamalkan ini menjadi ciri-ciri khas dalam budaya yang membezakannya dengan etnik-etnik lain yang ada di negeri Sabah. Seterusnya menentukan falsafah dan pemikiran yang telah diwarisi secara turun-temurun.

Kajian ini secara spesifik membincangkan pembuatan kuih tradisional. Menyingkap bagaimana kuih tradisional ini dapat menggambarkan falsafah dan pemikiran etnik Brunei dan bagaimana kuih tradisional ini menjadi ikon budaya dalam kehidupan mereka. Terdapat pelbagai variasi daripada beberapa jenis kuih tradisional dalam budaya etnik Brunei menunjukkan nama, bahan, teknik penghasilan dan cara pembungkusan yang tersendiri. Penghasilan kuih-muih ini juga turut signifikan dalam setiap majlis, upacara atau adat yang dilakukan oleh etnik Brunei. Beberapa jenis kuih etnik Brunei pula dikenali dengan panggilan atau nama tempatan seperti kuih *jalurut*, *punjung*, *biraksa*, *tilapam* dan *sebagainya*. Kuih tradisional ini bersifat tipikal dalam kehidupan etnik Brunei kerana menggambarkan cara pembuatan, cara makan dan situasi ianya dihidangkan, sama ada dalam majlis perkahwinan, kenduri-kendara atau sebagai sajian makanan harian.

KAJIAN LITERATUR

Suku kaum Brunei Sabah merupakan antara yang terawal menduduki wilayah Kepulauan Borneo Utara atau Sabah. Mereka mula bertapak di Borneo Utara semasa di bawah jajahan Sultan Brunei ke-5, Sultan Bolkiah (Pigafetta A:1521). Sultan Bolkiah bertindak meluaskan pengaruhnya hingga ke beberapa wilayah Sabah dan Sarawak setelah baginda menaiki takhta Kerajaan Brunei pada awal kurun ke-16. Penempatan terawal masyarakat Brunei Sabah tertumpu di kawasan utama Teluk Kimanis sehinggalah pesisir Wilayah Membakut, Bongawan, Benoni, Papar, Pengalat, Kawang serta kawasan Meruntum termasuk Putatan. (Saat Awang Damit dan Jamilah Jaafar: Masyarakat Brunei dan Warisan Kesenian 2015).

Pada umumnya, kebanyakan orang Brunei di Sabah awalnya merupakan kelompok nelayan. Kawasan penempatan mereka juga secara tidak langsung menggambarkan pekerjaan yang dilakukan mereka. Keunikan budaya bagi setiap kaum di Sabah bukan hanya terserlah pada variasi bahasa yang dituturkan, kraf tangan, amalan hidup yang lainnya tetapi juga terdapat dalam makanan dan kuih-muih. Demikian juga dengan etnik Brunei di Sabah. Sebagai contoh kuih *wajit* merupakan kuih tradisi etnik Brunei yang begitu terkenal. Suatu ketika dahulu, kuih *wajit* tidak disediakan pada hari-hari biasa. Kuih ini hanya dibuat apabila ada majlis perkahwinan atau musim perayaan bagi umat Islam. Kuih *wajit* lazimnya disediakan dalam secara bergotong-royong dalam komuniti mereka.

Etnik Brunei lazimnya dikaitkan dengan pekerjaan sebagai nelayan. Mereka begitu mahir dan cekap mengendalikan peralatan seperti perahu, engine sangkut dan pukot. Bukan setakat itu sahaja, malah mereka juga mahir dalam meramal pasang surut air laut, menduga kedalaman sungai dan laut, mengagak banyaknya rezeki seperti udang dan ikan berdasarkan keadaan air, malah mereka juga mampu mentafsir keadaan cuaca sepanjang hari tersebut berdasarkan isyarat yang diberikan oleh alam semulajadi seperti tiupan angin, bintang, awan dan matahari. Semenjak zaman dahulu hinggalah ke hari ini, mereka masih terlibat dengan kegiatan nelayan untuk menyara kehidupan. Penempatan etnik Brunei yang berada di pesisir pantai Borneo seperti di Sipitang, Weston, Kimanis, Bongawan, Menumbuk, Kuala Penyu, Papar, Kinarut dan sebagainya memberi peluang untuk mereka mengerjakan aktiviti menangkap ikan dan seumpamanya.

Selain itu, etnik Brunei terlibat dengan aktiviti perdagangan atau perniagaan sama ada secara kecil-kecilan atau besar-besaran. Sejarah kehidupan di masa kecil penulis kajian ini mengakui bahawa moyang dan nenek merupakan individu yang arif dan aktif menjalankan aktiviti

perniagaan pada hayatnya. Perniagaan merupakan daya usaha yang dilakukan untuk melangsungkan kehidupan sehari-hari. Menurut informan, moyang penulis yang dikenali sebagai nama Imam Arshad dan Awg Besar merupakan ahli pedagang yang kara-rya kerana memiliki kapal dagang yang sering berulang alik dari perairan Weston ke Negara Brunei Darus Salam bagi menjalankan aktiviti perdagangan. Selain berdagang kedua tokoh hebat dalam keluarga penulis ini sering berulang-alik dari Weston ke Negara Brunei Darus Salam jika ada kenduri-kendara seperti perkahwinan, naik haji, turun haji, dan kematian¹ dan sebagainya dalam memastikan hubungan kekeluargaan tetap terjalin kukuh. Sejarwan Jamil Al Sufri menjelaskan bahawa masyarakat Melayu Brunei pada abad ke-16 terkenal dengan sifat berani dan cekal sehingga disegani oleh masyarakat lain di rantau ini. Hal ini diakui oleh orang Sepanyol yang pernah menawan Pusat Kerajaan Brunei pada tahun 1578. Keadaan masyarakat Melayu disifatkan sebagai komuniti laut di Muara Sungai Bertam semasa zaman keagungan kerajaan Melaka (Mat Zin Mat Kib: Kumpulan Etnik di Sabah: Sejarah dan Perkembangannya, 2015).

Menurut (Bilcher Bala, 2015), ada pendapat lain mengatakan bahawa masyarakat Melayu Brunei adalah komuniti laut pada zaman keagungan Kerajaan Funan iaitu, pada awal abad Masihi. Bukan setakat berani dan cekal mengharungi kehidupan di kawasan perairan, malah mereka juga dikatakan memiliki kemahiran dalam bidang perdagangan dan pergaulan dengan saudagar asing. Masyarakat Melayu Brunei diakui oleh orang Portugis sebagai kaum pedagang yang bijaksana. Hal ini telah menyebabkan sejarawan Portugis pada abad ke-16, Tome Pires menyifatkan masyarakat Melayu Brunei sebagai *trading people* (masyarakat pedagang).

Dari segi makanan pula, *ambuyat* yang dikenali sebagai sagu merupakan makanan seharian masyarakat Brunei pada masa lalu. *Ambuyat* lazimnya dimakan bersama dengan lauk-pauk, sayur-sayuran kampung, ulam-ulaman dan *cacah*². Makan *ambuyat* tanpa *cacah* adalah tidak lengkap. Menurut informan, *cacah ambuyat* biasanya disediakan dengan rasa yang masam, masin dan pedas kerana kelazatan makan *ambuyat* adalah bergantung bagaimana sedapnya rasa *cacah* yang dibuat³. Makan *ambuyat* biasanya juga dilakukan ketika ahli keluarga berkumpul, ketika kenduri-kendara atau majlis-majlis tertentu. Selain *ambuyat*, terdapat juga pelbagai jenis kuih-muih tradisional yang menjadi warisan turun-temurun. Antaranya ialah *jalurut*, *tilapam*, *tapai* nasi, *lamban* udang, *lamban lukan* dan sebagainya yang dibungkus menggunakan daun nipah dalam pelbagai bentuk dan rupa. Selain itu, kuih-muih tradisional etnik Brunei juga begitu tipikal dalam kehidupan mereka kerana fungsinya yang bukan hanya sekadar kuih untuk dimakan setiap hari tetapi lebih dari itu ianya berfungsi sebagai ikon atau simbol tertentu bagi etnik Brunei di Sabah.

METODOLOGI & TEORITIKAL

Penyelidikan ini mengaplikasikan reka bentuk kajian kualitatif dengan perolehan data di lapangan ke atas subjek kajian, individu dan situasi secara terperinci serta mendalam. Dalam kajian kualitatif, pengkaji dapat menerangkan proses atau langkah dan sebab atau akibat kenapa sesuatu itu berlaku. Kaedah interaksi, bersemuka dengan subjek yang dikaji merupakan cara terbaik mendapatkan sumber data yang terperinci. Pendekatan Induktif turut digunakan dalam penyelidikan ini untuk mengutip data dan pembinaan teori.

Penyelidikan Kualitatif melibatkan kaedah secara berfokus dan selaras dengan penggunaan pendekatan naturalistik (secara semula jadi) untuk menyelidik sesuatu subjek (Denzin dan Lincoln 1994). Penyelidikan Kualitatif juga bersifat proses inkuiri ke arah pemahaman data yang lazim digunakan apabila meninjau sesuatu permasalahan sosial (Cresswell 1994). Pengkaji turut

¹ Hajah Jainah Laut. (71) Kg. Log Pond, Weston.

² *Cacah* adalah ramuan yang dibuat khas dengan mencampurkan beberapa jenis bahan dengan tujuan sebagai penyedap rasa sekurang-kurangnya ada rasa masam, masin dan sedikit manis ketika makan *ambuyat*.

³ Pn. Siti Salmiah Omarali (54) Kg. Darat Weston.

menggunakan empat pendekatan dalam menjalankan penyelidikan. Keempat-empat kaedah tersebut disusun mengikut langkah iaitu: pengumpulan data, menganalisis data, Interpretasi dan penilaian (Pendekatan Feldman, 1973).

Kaedah Deskripsi

Sugiyono (2005: 21) menyatakan bahawa metod deskriptif digunakan untuk menggambarkan atau menganalisis suatu hasil penelitian tetapi tidak digunakan untuk membuat kesimpulan yang lebih luas. Objek budaya iaitu kuih tradisional dalam penyelidikan ini akan analisis dari segi visual, rupa bentuk, pembungkusan dan sebagainya mengikut kaedah deskripsi.

Kaedah Analisis

Dalam penyelidikan ini, kaedah analisis objek digunakan untuk mendapatkan data-data yang diperlukan. Subjek kajian seperti kuih-muih tradisional, bahan pembungkusan, bentuk dan gaya pembungkusan serta teknik penghasilan kuih dianalisis bagi mendapatkan data.

Kaedah Interpretasi

Pada peringkat ini proses menghuraikan dan menerangkan makna dan fungsi objek budaya melalui dapatan dari langkah pertama atau kaedah deskripsi dan kaedah analisis yang telah diperolehi sebelum ini. Makna dan fungsi yang diperolehi dalam kaedah interpretasi ini adalah dalam bentuk makna tersurat atau tersirat dalam subjek kajian.

Penilaian

Pada tahap ini penyelidik melakukan penilaian ke atas subjek berdasarkan data awal yang diperolehi diperingkat deskripsi, analisis dan interpretasi dengan melihat secara terperinci saling kaitan data yang ada. Sebuah kesimpulan akan dibuat pada peringkat ini.

BAHAN KAJIAN

Bahan kajian dalam penulisan kali ini adalah kuih *Katupat Lapas* yang merupakan kuih tradisional etnik Brunei seperti dalam gambar rajah 1 seperti berikut:



Gambar rajah 1. Imej *Katupat Lapas*

Analisis Subjek Kajian

Kuih *katupat lapas* sangat berbeza dari kuih-muih tradisional yang lain kerana kuih *katupat lapas* mempunyai fungsi tertentu dalam adat dan upacara yang diamalkan oleh etnik Brunei di Sabah khususnya di Kampung Weston dan Kampung Lubuk. Kuih *katupat lapas* begitu signifikan dengan musim haji bagi etnik Brunei kerana kuih ini memberikan makna khusus berkaitan

ibadah Haji yang dikerjakan. Kuih *katupat lapas* wajib ada dalam upacara kenduri haji dan dikerjakan secara *baurung-urung*⁴.

Katupat lapas dihidangkan sebaik saja selesai upacara bacaan doa selamat selepas solat isyak. *Katupat lapas* dihidangkan bersama menu lain seperti *kalupis*, *wajit* dan minuman panas seperti kopi dan teh. Dimakan secara beramai-ramai dalam keadaan duduk bersila. Selain itu, *katupat lapas* juga dijadikan sebagai buah tangan untuk dibawa balik.


Terdapat dua jenis reka bentuk *kulit katupat lapas*, iaitu *kulit katupat lapas laki* dan *kulit katupat lapas bini*. Kedua-dua reka bentuk pembungkusan ini dapat dibezakan melalui saiz dan bentuknya. *Kulit katupat lapas laki* mempunyai bentuk yang lebih panjang manakala *kulit katupat lapas bini* mempunyai bentuk bulat dan pipih. Bentuk pembungkusan ini menjelaskan daya kreativiti etnik Brunei.

Dari segi pembuatan pula, *katupat lapas* dihasilkan dari bahan yang ringkas dan mudah didapati di persekitaran tempat tinggal etnik Brunei seperti kelapa. Pokok kelapa merupakan tanaman yang hidup di kawasan pantai menjelaskan lokasi tempat tinggal etnik Brunei di Daerah Beaufort. Tidak hairanlah sumber kelapa sering ada dalam bahan pembuatan kuih-muih tradisional. Bahan yang cukup ringkas digunakan dalam pembuatan kuih *katupat lapas* seperti tepung beras, kelapa parut, kapur makan dan sedikit garam. Semua bahan ini digaul rata dan dibancuh menggunakan air panas mendidih yang dikenali sebagai teknik *batumpahi*. Teknik *batumpahi* menjadikan adunan tepung separuh masak, kental dan likat yang memudahkan proses membungkus. Isi yang separuh masak dimasukkan sedikit demi sedikit ke dalam *kulit* atau acuan yang diperbuat daripada daun nipah dan dikukus selama 20 minit. Proses pembuatan *katupat lapas* yang agak rumit menjelaskan sikap sabar, cekal, cermat dan bertanggungjawab golongan wanita yang menjadi identiti etnik Brunei.

Isi *katupat lapas* berwarna merah kecoklatan di bahagian lapisan luar, di bahagian dalam isinya berwarna putih. Terdapat kesan garisan halus, tebal dalam bentuk lurus dan melintang selain mempunyai bentuk seakan hexagon menampilkan imej yang unik. Kesan jalinan tampak pada isi luaran yang terpapar menjelaskan kesempurnaan adunan, keenakan dan kelembutan teksturnya ketika dimakan.

⁴ *Baurung-urung* merujuk maksud bergotong-royong, beramai-ramai, bersama-sama dalam mengerjakan sesuatu pekerjaan.

Lukisan Grafik Reka Bentuk dan Gaya Pembungkusan *Katupat Lapas*




i.



ii.



iii.



iv.




v.



vi.



vii.



viii.

Gambar rajah 2. Lukisan grafik reka bentuk dan gaya pembungkusan *Katupat Lapas*.



i.



ii.



iii.



iv.



v.



vi.



vii.



viii.

Gambar rajah 3. Pecahan bentuk kuih *katupat lapas* mengikut bahagian.

Kulit *katupat lapas* diperbuat daripada daun nipah yang begitu banyak dijumpai di perairan Kampung Weston dan Kampung Lubuk. Daun nipah yang telah diproses akan dianyam dengan teknik yang tertentu sehingga *kulit katupat lapas laki* dan kuih *katupat lapas bini* dapat dibezakan. Terdapat dua jenis *katupat lapas*, iaitu *katupat lapas laki* dan *katupat lapas bini*. *Katupat lapas laki* mempunyai bentuk yang memanjang, manakala *katupat lapas bini* adalah lebih berbentuk bulat. *Katupat lapas laki* adalah mewakili kaum lelaki manakala *katupat lapas bini* pula mewakili kaum wanita. *Katupat lapas* juga istimewa dari segi gaya pembungkusannya yang kreatif dapat melambangkan pemikiran generasi terdahulu dalam mencari kesempurnaan hidup berbudaya. *Katupat lapas* mempunyai bentuk yang unik dan kreatif kerana untuk membuka *kulitnya* hanya perlu menarik hujung daun di bahagian bawah dan atas secara serentak.

Kulit *Katupat lapas* diperbuat daripada daun nipah yang begitu banyak dijumpai di perairan Kg. Weston dan Kg. Lubuk. Daun nipah yang telah diproses akan dianyam dengan teknik yang tertentu sehingga *kulit katupat lapas laki* dan *kulit katupat lapas bini* dapat dibezakan. Walau bagaimanapun, dari segi metaforanya *katupat lapas* ini merupakan gambaran terhadap pengharapan ke atas keselamatan dan kesejahteraan mereka yang pergi menunaikan haji.

Kulit *katupat lapas* diperbuat daripada daun nipah yang banyak dijumpai di perairan Kampung Weston dan Kampung Lubuk. Daun nipah yang telah diproses akan dianyam dengan teknik yang tertentu sehingga *kulit katupat lapas laki* dan kuih *katupat lapas bini* dapat dibezakan. Menurut informan ketika menganyam *kulit katupat lapas*, mulut dan hati hendaklah seiring menyebut dan memuji-muji kebesaran Allah⁵. Zikir yang sering diucapkan ini mampu mengisi rohani dengan nilai-nilai kepatuhan kepada Sang Pencipta, membentuk kepercayaan, keyakinan dan prilaku dengan nilai-nilai leluhur dalam masyarakat Brunei. *Kulit katupat lapas* disiapkan sehari lebih awal sebelum kenduri berlangsung. Etnik Brunei akan menganyam *kulit katupat lapas* secara *baurung-urung*. Tradisi *baurung-urung* merupakan adat dalam pembuatan kuih *katupat lapas* yang mengajarkan begitu banyak nilai leluhur sehingga membentuk keperibadian dan citra budaya khas etnik Brunei di Kampung Weston dan Kampung Lubuk.

Selain dari segi fungsinya dalam adat dan upacara, reka bentuk pembungkusannya juga kelihatan agak unik berbanding dengan kuih-muih tradisional yang lain. *Kulitnya* diperbuat daripada daun nipah yang telah diproses terlebih dahulu. Dua helai daun nipah yang sepadan saiznya digunakan untuk membentuk *kulit* dengan teknik anyaman seperti teknik anyaman *kulit katupat*. Unikunya kuih ini adalah berkaitan cara ia dibuka iaitu hanya dengan cara menarik kedua-dua hujung daun secara serentak dan isi kuih *katupat lapas* akan terlepas dari *kulitnya*. Teknik tarikan secara serentak inilah nama *katupat lapas* terhasil. Perkataan *Lapas* di sini bermaksud terlepas dari sebarang perkara yang tidak diinginkan seperti sakit, demam ataupun kematian ketika menunaikan haji.

Katupat lapas biasanya disediakan oleh golongan wanita yang berumur dan yang arif berkaitan adat dan pembuatan kuih tradisional. *Katupat lapas* sebagai kuih tradisional etnik Brunei begitu sinonim dengan kehidupan etnik Brunei. Kuih ini mempunyai fungsi atau peranan yang cukup besar dalam menyatakan metafora hasrat keselamatan, kelancaran urusan dan kesejahteraan seseorang yang mengerjakan ibadah haji. Sebagai contoh, *katupat lapas* dikaitkan dengan terlepasnya seseorang dari sebarang perkara yang tidak diinginkan berlaku. Perkataan *lapas* pada *katupat lapas* merupakan metafora penyerahan semua perkara sama ada baik atau buruk hanya kepada Allah semata-mata.

Menurut informan terdapat dua jenis *katupat lapas*, iaitu *katupat lapas laki* dan *katupat lapas bini*⁶. *Katupat lapas laki* mempunyai bentuk yang memanjang, manakala *katupat lapas bini* adalah lebih berbentuk bulat. *Katupat lapas laki* adalah mewakili kaum lelaki manakala *katupat lapas bini* pula mewakili kaum wanita. Menurut informan ketika menganyam *kulit katupat lapas*, mulut dan hati hendaklah seiring menyebut dan memuji-muji kebesaran Allah⁷. Zikir yang sering dilafazkan ketika menganyam *kulit katupat lapas* ini mampu membentuk prilaku dan nilai-nilai leluhur dalam masyarakat Brunei.

Katupat Lapas dalam Upacara Naik Haji dan Turun Haji

Katupat lapas begitu istimewa bagi etnik Brunei di Sabah. Ini kerana *katupat lapas* berfungsi sebagai ikon dalam adat etnik Brunei dalam upacara naik haji ketika musim haji. *Katupat lapas* juga istimewa dari segi gaya pembungkusannya yang kreatif dapat melambangkan pemikiran

⁵ Hajah Jainah Laut (79), Kampung Log Pond Weston.

⁶ Pn. Ainih Ag. Besar (69), Kampung. Laut Weston.

⁷ Hajah Jainah Laut (84), Kampung. Log Pond Weston.

generasi terdahulu dalam mencari kesempurnaan hidup berbudaya. *Katupat lapas* mempunyai bentuk yang unik dan kreatif kerana untuk membuka *kulitnya* hanya perlu menarik hujung daun di bahagian bawah dan atas secara serentak.

Terdapat beberapa upacara yang dilakukan oleh ahli keluarga yang terdekat semasa dalam tempoh *naik haji* tersebut. Biasanya, semua upacara yang dilakukan adalah menjurus kepada maksud memohon kesejahteraan, kesihatan, kelancaran dalam menjalankan rukun haji dan dapat kembali ke tanah air dengan selamat. Pada waktu dahulu, makan doa selamat dilakukan setiap hari sepanjang musim haji berlangsung. Doa selamat ini lazimnya dipenuhi dengan aktiviti solat maghrib dan isyak secara berjemaah, tahlil dan doa beramai-ramai dan diakhiri dengan jamuan seperti makan nasi, lauk pauk dan pastinya hidangan kuih-muih tradisional seperti *katupat lapas* dan *bikang*.

Kuih *bikang* makanan tradisi etnik Brunei hanya ditemui pada musim *Naik Haji* sahaja, ini kerana *bikang* digunakan sebagai objek budaya untuk melaksanakan adat bersedekah pada bulan Haji. Isyarat yang ditafsir melalui ciri-ciri kuih *bikang* secara tidak langsung mampu melahirkan keceriaan dan kegembiraan ahli keluarga yang ditinggalkan. Namun sebaliknya, sekiranya kuih *bikang* yang dibuat *nda basarang*⁸ atau tidak kembang dan tidak gebu maka mereka percaya bahawa ahli keluarga yang *naik haji* menghadapi kesukaran seperti masalah sakit di tanah suci. Hal ini menyebabkan ahli keluarga merasa sedih atau tidak gembira. Oleh itu, majlis kenduri dan doa selamat terus dilakukan di mana kuih *bikang* berperanan untuk dijadikan sedekah dalam pelaksanaan adat yang diwarisi secara turun-temurun.

Antara upacara yang dilakukan dalam tempoh masa menunaikan haji adalah seperti kenduri setiap malam selama tempoh menunaikan haji, sedekah setiap malam Jumaat dan solat berjemaah di rumah. Terdapat beberapa objek budaya digunakan dan menunjukkan peranan yang tersendiri dalam setiap upacara yang dilakukan. Objek budaya seperti kuih *bikang*, *katupat lapas*, *lapas-lapas* dan sebagainya begitu tipikal yang dapat menggambarkan kehidupan etnik Brunei di Sabah.

Lazimnya keadaan rumah akan dipenuhi dengan suasana meriah dan gelak tawa keluarga dan orang kampung yang berhimpun sama ada untuk menyiapkan juadah, solat berjemaah dan tahlil yang dilakukan secara berjemaah. Majlis ini biasanya dilakukan bermula dengan solat Maghrib dan Isyak secara berjemaah. Selepas itu, doa ringkas akan dilakukan dan seurus itu, jamuan makan akan dinikmati bersama-sama. Dalam majlis ini, *campur*⁹ akan diberikan kepada semua tetamu yang datang ke majlis kenduri untuk dibawa pulang. *Campur* biasanya dalam bentuk pelbagai jenis makanan ringan yang dibungkus dengan pelbagai cara. Demikianlah upacara ini berlarutan sehingga seseorang selamat pulang dari menunaikan haji.

Selain kenduri dan doa selamat yang dilakukan setiap hari, bersedekah setiap malam Jumaat juga turut dilaksanakan dan dijadikan adat turun-temurun. Sedekah yang dibuat sama ada dalam bentuk wang ringgit atau bentuk makanan seperti kuih tradisi termasuk *katupat lapas* dan kuih *bikang* serta minuman panas seperti kopi dan teh. Sedekah pada malam Jumaat ini biasanya dihantar ke masjid yang berdekatan kerana majlis kenduri doa selamat di rumah tidak dilakukan pada malam Jumaat.

Kuih *katupat lapas* adalah kuih yang wajib ada dalam upacara sedekah pada setiap malam Jumaat di masjid. *Katupat lapas* biasanya disediakan oleh golongan wanita yang berumur dan yang arif berkaitan adat dan pembuatan kuih tradisi. *Katupat lapas* merupakan makanan bermusim yang hanya disediakan ketika musim haji. *Katupat lapas* sebagai kuih tradisi etnik Brunei begitu sinonim dengan kehidupan etnik Brunei. Kuih ini mempunyai fungsi atau peranan yang cukup

⁸ Merujuk maksud adunan yang tidak kembang, gebu.

⁹ *Campur* merujuk kepada buah tangan yang dibawa pulang dari rumah kenduri. *Campur* lazimnya dalam bentuk makanan ringan.

besar dalam menyatakan metafora dan hasrat keselamatan, kelancaran urusan dan kesejahteraan seseorang yang *naik haji*. Sebagai contoh, *katupat lapas* dikaitkan dengan terlepasnya seseorang dari sebarang perkara yang tidak diinginkan berlaku. Perkataan *lapas* pada *katupat lapas* merupakan metafora penyerahan semua perkara sama ada baik atau buruk hanya kepada Allah semata-mata.

KESIMPULAN

Kuih bermusim yang sinonim dengan musim haji setiap tahun ini merupakan kuih yang istimewa kerana mempunyai fungsi yang tertentu dalam adat dan budaya yang diwarisi secara turun-temurun. Selain fungsinya yang khusus dalam amalan adat yang diwarisi, *kulit* kuih ini juga begitu istimewa dari segi reka bentuknya, imej visualnya, cara pembuatannya dan fungsinya sebagai pembalut makanan. Teknik anyaman silang menggunakan dua helai daun nipah ini dijalin kemas, kukuh dan mudah dileraikan ketika kuih ini hendak dimakan. Teknik anyaman yang digunakan dalam pembuatan *kulit* kuih ini mencerminkan daya kreativiti masyarakat pembuatnya.

Katupat lapas sebagai kuih tradisional begitu sinonim dengan kehidupan etnik Brunei kerana fungsi atau peranannya yang cukup besar dalam menyatakan metafora dan hasrat keselamatan, kelancaran urusan dan kesejahteraan seseorang yang menunaikan ibadah *haji*. Sebagai contoh, *katupat lapas* dikaitkan dengan terlepasnya seseorang dari sebarang perkara yang tidak diinginkan berlaku. Menurut informan, perkataan *lapas* pada *katupat lapas* bermaksud *talapas* dari marabahaya atau sebarang kesulitan. Perbuatan menarik hujung *kulit katupat lapas* merupakan ritual dalam adat yang diamalkan sebagai simbol penyerahan semua perkara sama ada baik atau buruk kepada Allah¹⁰.

RUJUKAN

- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan. Malaysia*. Kuala Lumpur. McGraw-Hill.
- Ismail Haji Ibrahim, Jane Wong Kon Ling. 2002. *Warisan Seni Etnik Sabah*. Kota Kinabalu: Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.
- Ismail Mat Zin Mat Kib. 2002. *Kumpulan Etnik Di Sabah: Sejarah dan Perkembangannya*. Kota Kinabalu. UMS.
- Ismail Haji Ibrahim. Jane Wong Kon Ling. 2002. *Warisan Seni Etnik Sabah*. UMS. Kota Kinabalu Sabah.
- Kntayya Mariappan, Paul Porodong. *Murut dan pelbagai etnik kecil lain di Sabah*, ITBM. UMS. Kuala Lumpur 2012.
- Matthew B. Miles, A. Michael Huberman. (1992). *Analisis Data Kualitatif*. Indonesia. (UI-PRESS).
- Muhammad Afandi Yahya.(1995). *Symbolisme dalam Seni Bina Rumah Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan, Malaysia.
- Mohd. Johari AB. Hamid.. (Eds.) (2006). *Metodologi Pendidikan Seni Visual*. UPSI. Tanjung Malim. Proceeding International Seminar. Warisan Nusantara 2012 Indonesia. Universitas Negeri Semarang dan Universiti Malaysia Sabah.
- Mok Soon Sang. (2010). *Literatur dan kaedah Penyelidikan*. Selangor. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Saat Awang Damit. 2015. *Sejarah dan Kesenian Masyarakat Brunei Sabah*. Kuala Lumpur. Jabatan Muzium Malaysia.
- Saidatul Nornis Hj Mahali. 2013. *Nilai dan Norma Masyarakat di Sabah*. Penerbitan Universiti Malaysia Sabah. Kota Kinabalu.

¹⁰ Hajah Jainah Laut (84), Kampung Log Pond Weston.

Saidatul Nornis Hj Mahali. 2019. Pelestarian dan Pameriksaan Budaya Tempatan Borneo¹¹. Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjung Malim Perak.

Informan

1. Tn. Hj Bungsu Hj Yussuf. 68 tahun. Kg. Laut Weston, Beaufort Sabah.
2. Tn. Hj Matzin Bt Hj Jaafar. 84 tahun. Kg. Lubuk, Beaufort Sabah.
3. Pn. Dalilah Bt Matussin 83 Tahun. Kg. Lubuk, Beaufort Sabah.
4. Pn. Ainih Bt Ag. Besar. 68 tahun. Kg. laut Weston, Beaufort Sabah.
5. Pn. Naimah Bt. Hj Mokti 76 tahun. Kg. Lubuk, Beaufort Sabah.
6. Pn. Hjh Sribunian Bt Ag. Besar. 70 tahun. Kg. Darat Weston, Beaufort Sabah.
7. Jainah Bt Laut (72), Kg. Log Pond Weston, Beaufort Sabah.
8. Pn. Hajjah Saliah Bt. Hj Ismail. 64 tahun. Kg. Lubuk Weston, Beaufort Sabah.
9. Tn. Hj Abdul Rahim Hj Mokti 72 tahun. Kg. Lubuk Weston, Beaufort Sabah.

¹¹ Makalah ini merupakan Ucaptama dalam Seminar Antarabangsa Kesusasteraan dan Kebudayaan Borneo 2019. Tema: Melestarikan Kesusasteraan dan Kebudayaan Borneo sempena Perayaan Pesta Menuai 2019, pada 29-31 Mei 2019 di Hotel Klagan, Kota Kinabalu. Makalah ini bukan rujukan nukilan.